

07 SEP 1998

LEAD Menteri/Gabenor

MUSTAPA DILANTIK MENTERI KEWANGAN KEDUA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melantik menteri kewangan kedua dan menamakan Gabenor baru Bank Negara bagi mengisi kekosongan ekoran perkembangan yang agak menggemparkan dalam arena politik dan ekonomi negara dalam beberapa minggu lepas.

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri menyatakan Dr Mahathir akan menjadi Menteri Kewangan pertama manakala Datuk Mustapa Mohamed dilantik sebagai Menteri Kewangan kedua.

Mustapa akan terus memegang jawatan Menteri Pembangunan Usahawan di samping memikul tanggungjawab barunya itu. Dr Mahathir adalah juga Menteri Dalam Negeri.

Pelantikan menteri pertama dan kedua bagi satu portfolio itu merupakan sesuatu yang baru bagi Malaysia. Perubahan-perubahan itu berkuatkuasa hari ini.

Dalam kenyataan lain, Kementerian Kewangan telah mengumumkan pelantikan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, sebagai Gabenor baru bank pusat itu.

Penolong Gabenor Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, yang memangku jawatan Gabenor sejak peletakan jawatan Tan Sri Ahmad Mohamed Don pada 1 Sept, dilantik sebagai Timbalan Gobenor.

Jawatan Menteri Kewangan kosong ekoran pelucutan jawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang turut memegang portfolio itu, daripada Kabinet pada Rabu lepas selepas spekulasi hangat mengenai peletakan jawatannya.

Anwar, 52, telah dituduh melakukan pelbagai salahlaku termasuk perbuatan sumbang dan membocorkan rahsia negara, tetapi kesemuanya dinafikannya dengan keras.

Ahli politik yang berasal daripada pemimpin pelajar itu kemudiannya dipecat daripada Umno, yang beliau menjadi Timbalan Presidennya, sehari selepas peletakan jawatan Kabinet itu.

Pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet itu telah didahului oleh peletakan jawatan Ahmad dan Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Fong Weng Phak berkuatkuasa pada 1 Sept.

Anwar telah menyokong dasar kadar faedah yang tinggi dan kawalan kredit yang ketat yang dilaksanakan oleh bank pusat itu semasa di bawah Ahmad. Dasar itu bagaimanapun menemui kegagalan apabila negara mencatat pertumbuhan negatif bagi dua suku tahun berturut-turut tahun ini.

Dr Mahathir, yang menentang langkah-langkah bercorak IMF itu, membuat pengumuman yang mengejutkan pada 1 Sept mengenai pelaksanaan kawalan pertukaran matawang dan langkah drastik lain untuk menurunkan kadar faedah dan memudahkan dana bagi merangsangkan aktiviti ekonomi.

Dr Mahathir pada Khamis lepas mengumumkan yang beliau sendiri akan memangku jawatan Menteri Kewangan sementara menteri baru dilantik.

Mustapa adalah lepasan jurusan ekonomi dengan ijazah kepujian kelas pertama dari Universiti Melbourne dan mempunyai ijazah sarjana dalam jurusan ekonomi pembangunan dari Universiti Boston.

Dilahirkan pada 1950 di Bachok, Kelantan, Mustapa menerima pendidikan menengahnya di Maktab Sultan Ismail, Kota Baharu.

Jawatan Menteri Kewangan kosong ekoran pelucutan jawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang turut memegang portfolio itu, daripada Kabinet pada Rabu lepas selepas spekulasi hangat mengenai

peletakan jawatannya.

Anwar, 52, telah dituduh melakukan pelbagai salahlaku termasuk perbuatan sumbang dan membocorkan rahsia negara, tetapi kesemuanya dinafikannya dengan keras.

Ahli politik yang berasal daripada pemimpin pelajar itu kemudiannya dipecat daripada Umno, yang beliau menjadi Timbalan Presidennya, sehari selepas pelecutan jawatan Kabinet itu.

Pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet itu telah didahului oleh peletakan jawatan Ahmad dan Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Fong Weng Phak berkuatkuasa pada 1 Sept.

Anwar telah menyokong dasar kadar faedah yang tinggi dan kawalan kredit yang ketat yang dilaksanakan oleh bank pusat itu semasa di bawah Ahmad. Dasar itu bagaimanapun menemui kegagalan apabila negara mencatat pertumbuhan negatif bagi dua suku tahun berturur-turut tahun ini.

Dr Mahathir, yang menentang langkah-langkah bercorak IMF itu, membuat pengumuman yang mengejutkan pada 1 Sept mengenai pelaksanaan kawalan pertukaran matawang dan langkah drastik lain untuk menurunkan kadar faedah dan memudahkan dana bagi merangsangkan aktiviti ekonomi.

Dr Mahathir pada Khamis lepas mengumumkan yang beliau sendiri akan memangku jawatan Menteri Kewangan sementara menteri baru dilantik.

Mustapa adalah lepasan jurusan ekonomi dengan ijazah kepujian kelas pertama dari Universiti Melbourne dan mempunyai ijazah sarjana dalam jurusan ekonomi pembangunan dari Universiti Boston.

Dilahirkan pada 1950 di Bachok, Kelantan, Mustapa menerima pendidikan menengahnya di Maktab Sultan Ismail, Kota Baharu.

Pelantikan Mustapa hari ini boleh dianggap seperti sirih pulang ke gagang memandangkan beliau memulakan kerjayanya di Perbendaharaan sebagai Penolong Setiausaha pada 1974.

Selepas enam tahun bertugas di Perbendaharaan, beliau menyertai Institut Tabiran Awam Negara sebagai pensyarah, kemudian pada 1984 beliau dilantik oleh Menteri Kewangan ketika itu Tun Daim Zainuddin sebagai pembantu khasnya.

Kerjaya politik Mustapa bermula apabila beliau dilantik menjadi Setiausaha Politik Daim pada tahun yang sama. Pada Mac 1991 beliau dijadikan seorang senator dan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Pada Januari 1994, Mustapa dinaikkan ke Timbalan Menteri Kewangan.

Beliau memenangi kerusi Parlimen Jeli pada pilihan raya umum April 1995 dan berikutnya dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan.

Mustapa memperoleh jumlah undi yang ketiga terbanyak ketika memenangi kerusi anggota Majlis Tertinggi Umno pada pemilihan parti pada 1996.

Beliau kini turut menganggotai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang ditugaskan untuk merangka strategi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Mustapa telah berkahwin dengan Datin Khamarzan Ahmad Meah dan mereka mempunyai empat orang anak -- dua perempuan dan dua lelaki.

Ali Abul Hassan, 57, yang dilahirkan di Pulau Pinang telah dilantik sebagai Setiausaha MTEN.

Beliau lulus dari Universiti Malaya dengan ijazah kepujian dalam jurusan ekonomi dan mempunyai ijazah sarjana dalam Pembangunan Ekonomi dari Universiti Wisconsin, Amerika Syarikat.

Sebahagian besar daripada kerjaya awamnya ialah di Perbendaharaan dengan memegang jawatan-jawatan Setiausaha Bahagian Ekonomi dan Ketua Bahagian Cukai, serta di EPU.

Beliau telah menganggotai dan kemudian mengetuai, pasukan yang menangani semua rancangan pembangunan lima tahun Malaysia yang termasuk dua Rangka Rancangan Jangka Panjang dan dua Pelan Induk Perindustrian.

Ali Abul Hassan telah mengawasi perubahan corak ekonomi negara daripada yang berasaskan kepada pertanian kepada perindustrian, dan perkembangan bidang perindustrian tradisional untuk meliputi mikro-prosesor, semi-konduktor dan produk teknologi tinggi lain.

EPU, di bawah pimpinannya boleh berbangga dengan kejayaan menghasilkan banyak projek utama negara termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa KL, sistem pengangkutan laju ringan di ibu negara dan lebuh raya utara selatan.

Pelantikan Dr Zeti sebagai Timbalan Gabenor menjadikan beliau wanita pertama yang memegang jawatan no.2 di bank pusat itu.

Beliau telah dinaikkan pangkat kepada penasihat, yang bertanggungjawab bagi pengurusan Jabatan Ekonomi pada 1991, dan kemudian menjadi seorang daripada empat penolong gabenor.

Beliau lulus dengan kepujian dalam jurusan ekonomi dari Universiti Malaya pada 1970 dan kemudian memperolehi ijazah sarjana dan PhD dalam ekonomi kewangan dari Universiti Pennsylvania di Amerika Syarikat.

Dr Zeti ialah anak Profesor Diraja Ungku Aziz, bekas Naib Canselor Universiti Malaya.

-- BERNAMA

AU JK sj NMO